# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

Bahasa Melayu
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan
Mei 2016

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

**Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Panitia BM SMKN sahaja. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

(a) Isi - **20** markah
(b) bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota:
(i) Panduan mengira perkataan:
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
- perkataan berganda / berulang
- penggunaan kata sendi 'di' dan 'ke'
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan sahaja** sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi isi yang tepat dan lengkap sahaja.

| **Bahagian** | **Isi** | | | | | | | | | **Markah** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| (i) Pendahuluan | | | | | | | | | | **2** |
| (ii) Isi tersurat | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | **16** |
| (iii) Isi tersirat | 12 | 11 | 10 | 9 | 8 | 7 | 6 | 5 | 4 | |
| (iv) Penutup / Kesimpulan | | | | | | | | | | **2** |
| **Jumlah markah** | | | | | | | | | | **20** |

**Skema Rumusan**

| | | |
|---|---|---|
| Pendahuluan | | |
| P1- Petikan membincangkan sebab-sebab/punca-punca jenayah pemerdagangan orang di negara ini/Malaysia | | 2m |
| P2- Petikan membincangkan sebab-sebab/punca-punca jenayah pemerdagangan orang dan kesannya kepada negara | | 2m |
| P3- Rumusan ini membincangkan sebab-sebab/punca-punca jenayah pemerdagangan orang dan implikasinya kepada negara | | 2m |
| P4- Petikan membincangkan sebab-sebab/punca-punca jenayah pemerdagangan orang ( tiada sararan/lokasi) | | 1m |
| Petikan membincangkan **faktor-faktor** jenayah pemerdagangan orang di negara ini/Malaysia | | 0m |
| Rumusan ini membincangkan **faktor-faktor** jenayah pemerdagangan orang dan implikasinya kepada negara. | | 0m |
| **Isi tersurat** | | |
| S1 | jenayah ini sukar dikesan kerana melibatkan banyak negara | 2m |
| S2 | perkembangan ekonomi dan kemakmuran Malaysia menjadi tarikan utama | 2m |
| S3 | kewujudan pusat hiburan beroperasi secara haram | 2m |
| S4 | kedudukan Malaysia di tengah-tengah negara Asean, menjadikannya antara lokasi strategik | 2m |
| S5 | memasuki Malaysia menggunakan pas lawatan sosial atau pas pelajar | 2m |
| S6 | keuntungan lumayan diperoleh oleh sindiket | 2m |
| S7 | kemiskinan di negara asal merupakan salah satu punca | 2m |
| S8 | penguatkuasaan undang-undang lemah | 2m |
| **Isi tersirat** | | |
| T1 | mencemarkan imej negara di mata dunia | 2m |
| T2 | mengancam keselamatan dan keamanan negara | 2m |
| T3 | menjejaskan hubungan diplomatik antara negara | 2m |
| | | |
| Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama menangani kegiatan pemerdagangan orang agar masyarakat dunia/global/sejagat hidup sejahtera.<br><br>Nota: *Tema tidak dinyatakan* – 0m | | 2m |

**Skema Pemahaman**

Soalan 2(a) – Pemahaman

| | | |
|---|---|---|
| (i) | Maksud rangkai kata *semakin meruncing* | |
| | - bertambah [1m] gawat/serius [1m]<br><br>*Jawapan dalam bentuk huraian* – 0m | [2 *markah*] |
| (ii) | Faktor-faktor yang mendorong lelaki dan kanak-kanak diperdagangkan: [ *2 isi cukup*]<br><br>P1- Sebagai buruh paksa<br>P2- Dijanjikan pekerjaan yang baik/pengeksploitasian<br>P3- Aktiviti meminta sedekah<br>P4- Dijadikan anak angkat kepada pasangan yang tidak mempunyai zuriat | [3 *markah*] |
| (iii) | Langkah-langkah proaktif untuk menangani aktiviti pemerdagangan orang. [ *3 isi cukup*]<br><br>P1- Kerajaan memperketat kemasukan pelancong asing<br>P2-Penguatkuasaan undang-undang berkaitan jenayah pemerdagangan orang<br>P3- Pemantauan/ kawalan berterusan pintu masuk sempadan dengan lebih teliti<br>P4- Sinergi Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pelancongan dengan pihak media massa untuk meningkatkan kesedaran melalui kempen antipermerdagangan orang | [4 *markah*] |

## Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : **9** markah
Soalan 2 (b) : **9** markah
Soalan 2 (c) : **8** markah
Soalan 2 (d) : **9** markah

**Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri.**
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna.**
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis | 2 |
| - Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup<br>- Isi cukup tetapi ayat tidak gramatis | 1 |
| - Jawapan tidak tepat/salah | 0 |

2. Soalan 3 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis | 3 |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis<br>- Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis | 0 |

3. Soalan 4 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis | 4 |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis | 3 |
| - Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugasan.ayat gramatis | 0 |

Soalan 2(b) – **Petikan Drama**

| | | |
|---|---|---|
| (i) | (i) Berdasarkan petikan di atas, mengapakah Azmir kelihatan ketakutan dan meronta-ronta? | |
| | P1 – dia tidak mahu pulang<br>P2- dia rasa bahagia berehat di sini<br>P3- dia takut dikurung di tempat yang tiada kesejahteraan | [2 *markah*] |
| (ii) | Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang harus kita lakukan untuk menangani masalah kemurungan dalam kalangan murid sekolah?<br><br>Tindakan: ( *2 isi –cukup*]<br><br>P1- Peranan semua guru khususnya guru kaunseling untuk mengenal pasti murid-murid yang murung dengan memberikan rawatan awal<br>P2- mengelakkan kes buli dalam kalangan murid<br>P3- menguatkuasakan undang-undang dan peraturan sekolah yang melibatkan kes kemurungan<br>P4- memastikan kantin sekolah membekalkan makanan berkahsiat<br>P5- menyarankan ibu bapa supaya membekalkan anak-anak dengan makanan berkahsiat<br>P6- menggalakkan murid-murid terlibat dengan kegiatan kokurikulum/Perkhemahan/aktiviti koakademik/bersukan | [3 *markah*] |
| (iii) | Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** persoalan yang lain daripada keseluruhan drama.<br><br>Skema:<br>*Persoalan kesakitan membawa penderitaan*.<br>Azmir yang menanggung kesakitan kerana menghidap barah otak.<br><br>*Persoalan dunia ibarat pentas lakonan.* | [ 1 + 1]<br><br>[ 1 + 1] |

| | | |
|---|---|---|
| | Dalam kehidupan di dunia ini manusia ialah pelakonnya yang mampu mmbawa pelbagai watak dalam kehidupan | |
| | **Satu** persoalan daripada keseluruhan drama<br><br>*Persoalan perbezaan pemikiran dan tindakan menyebabkan seseorang itu dianggap janggal oleh masyarakat sekeliling.*<br>Contoh: Azmir dianggap gila kerana mempunyai pandangan yang berbeza tentang hidup (cinta, sifat kemanusiaan, prinsip hidup) berbanding orang lain.<br><br>P*ersoalan kepentingan cinta dan kasih sayang*<br>Contoh: Cinta dan kasih sayang amat penting bagi menjamin kebahagiaan<br><br>*Persoalan sokongan daripada ahli keluarga terdekat boleh memberi kekuatan dalam menghadapi cabaran hidup*.<br>Contoh: Azmir menanggung cabaran hidup tanpa sokongan ibu bapa dan kekasih hati.<br><br>*Persoalan keprihatinan perlu ada dalam diri setiap manusia*.<br>Contoh:Tindakan para pelakon yang mengunjungi rumah Azmir untuk mengetahui latar belakang hidup Amir<br><br>*Persoalan setiap orang perlu mempunyai sikap bantu-membantu* .<br>Contoh : Para pelakon yang membantu mengurangkan kesakitan dengan memicit-micit kepalanya | <br><br>[ 1+1]<br><br><br><br><br><br>[ 1+1]<br><br><br><br>[1+1]<br><br><br><br><br>[1+1]<br><br><br><br>[1+1] |

Soalan 2(c) – **Petikan Prosa Tradisional**

| | | |
|---|---|---|
| (i) | Berikan maksud rangkai kata ‘*jangan kemakanan matanya*’ | |
| | - supaya tidak tumpul | [2 *markah*] |
| (ii) | Sekiranya anda ialah Tun Perak, apakah tindakan anda untuk memastikan tentera perang lebih bersemangat juang dan menang dalam pertempuran kelak?<br><br>**2 isi cukup**<br><br>P1-Memberikan kata-kata semangat dan motivasi kepada para tentera<br>P2- Memberikan latihan yang secukupnya<br>P3- Menyediakan peralatan perang yang canggih<br>P4- Menawarkan habuan kepada mereka | [3 *markah*] |

| | | |
|---|---|---|
| | | |
| (iii) | Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk menaikkan semangat patriotik dalam kalangan anak muda sekarang?<br><br>**3 isi cukup**<br><br>P1- Memberi kesedaran melalui penganjuran kempen kemerdekaan<br>P2- Membuat pertandingan berkenaan tanah air<br>P3- Kuiz-kuiz kemerdekaan<br>P4- Menyediakan bahan bacaan tentang kemerdekaan<br>P5- Mempertingkatkan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti kemerdekaan.<br>P6- Menceritakan tentang kisah kehidupan zaman dahulu serta kisah pejuang-pejuang tanah air. | [4 *markah*] |

Soalan 2(d) – **Petikan Sajak**

| | | |
|---|---|---|
| (i) | Berikan maksud ***unggas garda*** dalam rangkap ke-6 syair di atas. | |
| | - Burung geruda | [2 *markah*] |
| (ii) | Sebagai rakyat yang prihatin,apakah sumbangan anda kepada mangsa yang ditimpa bencana.<br><br>2 isi cukup<br>P1- bantuan kewangan<br>P2- bantuan ubat-ubatan, makan dan pakaian<br>P3- sokongan moral, iaitu khidmat kaunseling<br>P4- perlindungan keselamatan kepada mangsa bencana | [3 *markah*] |
| (iii) | Jelaskan **dua** nilai murni yang terdapat dalam syair di atas.<br><br>**Kebijaksanaan** (1m)– Raja Negeri Kembayat merupakan seorang raja yang bijak (1m)<br>**Kasih sayang(1m)** – Raja Negeri Kembayat amat menyayangi permaisuri baginda yang sedang beberapa bulan hamil(1m)<br>**Keadilan (1m)** – Raja Negeri Kembayat menjalankan pemerintahan secara adil dan saksama. Baginda melayani pedagang dan ulama yang datang ke negeri baginda dengan baik(1m)<br>**Tanggungjawab (1m)** – Raja Negeri Kembayat merupakan raja yang bertanggungjwab kerana baginda mengambil peduli masalah yang menimpa negeri baginda(1m)<br>**Ketaatan (1m)** – rakyat Negeri Kembayat yang taat sentiasa bersama-sama dengan baginda ketika susah dan senang (1m) | [1 +1] |

## Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah
Soalan 3(b) : **6** markah
Soalan 3(c) : **6** markah
Soalan 3(d) : **6** markah
Soalan 3(e) : **6** markah

### Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.

(a)

(i) mengorak langkah – memulakan langkah/tindakan/kerja

(ii) memupuk perpaduan –usaha memperkukuh kesatuan antara kaum

(iii) meniupkan semangat- menaikan keinginan/motivasi/perjuangan

(iv) menumpukan perhatian – hal atau perbuatan menumpukan perhatian dan fikiran kepada sesuatu

(v) menyelesaikan masalah – tindakan mengatasi kemelut/kesulitan yang dihadapi

(vi) memikul tanggungjawab – menggalas/menjalankan/melaksanakan amanah/tugas yang diberikan.

*(b)* *Tukar* **ayat bersusunan biasa** *di bawah kepada* **ayat bersusunan songsang** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

1 Kanak-kanak itu mandi di sungai.
Jawapan : *Mandi di sungai kanak-kanak itu*

2 Kebanyakan orang Asia bertubuh kecil.
Jawapan : *Bertubuh kecil kebanyakan orang Asia*.

3 Bangunan tinggi itu belum tentu selamat.
Jawapan : *Belum tentu selamat bangunan tinggi itu*.

4 Ibu Raihana sedang sakit tenat di hospital.
Jawapan : *Sedang sakit tenat ibu Raihana di hospital*.

5 Kelihatan anak-anak kecil itu berkejar-kejaran di padang.
Jawapan : *Berkejar-kejaran di padang kelihatan anak-anak kecil itu*.

6 Keadaan suhu di atas Gunung Kinabalu pada awal pagi sungguh dingin.
Jawapan : *Pada awal pagi keadaan suhu di atas Gunung kinabalu sungguh dingin*.

[6 *markah*]

3 (c)

(i) Isu rumah setinggan yang di duduki oleh pendatang asing di pinggir bandar itu telah saya lapurkan kepada pihak berkuasa.
  i. Ejaan – lapurkan –laporkan
  ii. Imbuhan – di duduki – diduduki

(ii) Timbalan Menteri Pertanian telah diberikan penghormatan untuk melepasi anak-anak ikan ke dalam kolam ternakan semasa beliau merasmikan projek desa maju di kampung kami.
  i. Ejaan - projek desa maju - Projek Desa Maju
  ii. Imbuhan - melepasi - melepaskan

(iii) Sawah yang kering-kuntang di daerah itu digenang air kerana hujan lebat sejak seminggu yang lalu.
  i. Ejaan – kering-kuntang - kering-kontang
  ii. Imbuhan - digenang - digenangi

[6 *markah*]

*(d)* Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa.** Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Kerajaan akan memastikan tiada mana-mana gulungan, terutamanya rakyat yang kurang berkemampuan di luar bandar terpinggir dalam pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia.

Bahasa – gulungan - golongan
Istilah – terpinggir - tercicir

(ii) Ladang milik Pak Deraman sungguh lapang dan ditanami dengan berbagai jenis buahan.

Bahasa- berbagai - berbagai-bagai/pelbagai
Istilah – lapang - luas

(iii) Selain daripada menahan lukah, nelayan itu juga menggunakan seutas jala untuk menangkap ikan di Sungai Serdang**.**

Bahasa – selain daripada menahan – selain menahan
Istilah – seutas – serawan

[6 *markah* ]

*(e)* *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

(i) Sejak kematian Mak Senah dan Pak Ramli, anak-anak mereka tetap meneruskan kehidupan mereka walaupun terpaksa meminta bantuan daripada orang ramai.

**Jawapan – Patah sayap bertongkat paruh/Layang-layang putus tali**

(ii) Sikap Puan Munaliza langsung tidak berubah walaupun kini beliau telah berjawatan tinggi. Beliau sentiasa bersikap merendah diri ketika berinteraksi dengan orang bawahannya.

**Jawapan - Bagai ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya.**

(ii) Rakan-rakan Asri tidak menyenanginya di tempat kerja kerana dia hanya akan melakukan tugas-tugasnya apabila disuruh.

**Jawapan : Bagai pahat dengan penukul**

[6 *markah*]

**Soalan 4 (Novel)**

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4.**

4 (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
iii) Beri 2 markah bagi setiap konflik dan huraian yang tepat
iv) Beri 1 markah bagi pernyataan konflik tanpa huraian
v) Beri 0 markah bagi huraian tanpa pernyataan konflik
vi) Markah isi maksimum 4 markah
vii) Markah bahasa maksimum 3 markah
viii) Markah bahasa diberi secara *impression*
Baik : 3 markah
Sederhana : 2 markah
Lemah : 1 markah
ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
x) Jika calon tidak menjawab, beri 0 markah

**Novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor**

***Konflik pertama*** – berkaitan dengan status anak angkat kepada keluarga Azraai. Konflik tercetus apabila Farisha berasa terkilan selepas menyedari bahawa dirinya merupakan anak angkat keluarga Azraai dan merupakan seorang anak tidak sah taraf disebabkan pengenalan bapanya tidak tercatat dalam fail manakala ibunya bernama Marilyn berketurunan Portugis.

***Konflik kedua*** – kesedihan Farisha terhadap kesihatan abang angkatnya. Farisha menangis apabila mendapat tahu bahawa abang angkatnya mengalami masalah jantung.

**Novel Silir Daksina karya Nizar Parman**

***Konflik antara Haiqal dengan Umi.***

- Uminya tidak menyokong tindakan Haiqal untuk pulang ke Johor kerana di Johor, Haiqal tidak mengenali sesiapa dan Haiqal juga tidak mempunyai tempat bermalam. Uminya juga tidak akan memberikan wang belanja kepada Haiqal jika Haiqal ke Johor.

***Konflik antara Haiqal dengan penduduk kampung.***

- Haiqal pulang ke kampung hanyalah untuk menjejak warisan Abdullah bin Kayan tetapi penduduk kampung seperti Pak Cik Bakar begitu berharap agar Haiqal menghidupkan semula kumpulan zapin D'Purnama.

***Konflik antara Haiqal dengan sahabatnya Ratna.***

- Tindakan Ratna yang menyepikan diri sepanjang Haiqal berad di Batu Pahat. Setelah Haiqal pula ke Terengganu, barulah Haiqal tahu sebab Ratna menyepikan diri. Rupa-rupanya telah bertunang dengan seorang usahawan muda yang menjadi rakan kongsi dan bakal suaminya.

***Konflik akademik dan minat mengembangkan seni sastera dan budaya.***

- Haiqal bertekad menyambung pelajaran di maktab perguruan di Sarawak meskinpun hatinya sangat meminati tarian Zapin.

(b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
iii) Beri *3* markah bagi satu peristiwa yang menggambarkan nilai tanggungjawab dan huraian lengkap bagi setiap novel
iv) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan tanpa huraian
v) Markah isi maksimum 6 markah
vii) Markah bahasa maksimum 2 markah
viii) Markah bahasa diberi secara *impression*
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
viii) Jika calon tidak menjawab 0 markah

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, kemukakan **satu** peristiwa yang dapat menggambarkan nilai tanggungjawab yang terdapat dalam setiap novel tersebut.
( 8 *markah*)

| Pernyataan nilai tanggungjawab – 2 markah | Huraian berdasarkan novel Di Sebalik Dinara -2 markah | Huraian berdasarkan novel Silir Daksina -2 markah |
|---|---|---|
| Nilai tanggungjawab | Aqram bertanggungjawab terhadap keluarganya yang mengarahkannya menjejaki Farisha. | Tauke Lim bertanggungjawab terhadap anak –anak dan tidak mahu membeli kereta baharu kerana dia mahu menyimpan duit untuk keperluan persekolah anak-anaknya. |
| | Farisha bertaggungjawab untuk membantu Soft Lab mengukuhkan dan menggodam sistem Dinara yang diserang virus bom jangka | Cikgu Nizam menghabiskan tugasnya dahulu seperti menanda kertas peperiksaan murid-muridnya sebelum meneruskan aktiviti-aktiviti kebudayaan di Kampung Seri Purnama |